

Peniaga Pasar Payung patuh larangan jual telur penyu

4m 2/6/2022 m5, 32

KUALA TERENGGANU: Hari pertama penguatkuasaan larangan penjualan semua jenis telur penyu termasuk tuntung laut menyaksikan peniaga Pasar Payang 2 di sini mematuhi arahan tersebut.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di pasar pelancongan terkecuali itu mendapati kesemua 10 peniaga sudah menghabis-

kan bekalan telur penyu bagi mengelak dikenakan tindakan tegas.

Seorang peniaga, Rakiah Abdullah, 61, berkata, lebih 20 biji telur penyu laris semalam selepas dijual separuh harga kepada pelanggan.

Katanya, harga bagi sebiji telur penyu sebelum ini ialah antara RM5 hingga RM8.

“Telur penyu merupakan antara tarikan utama pelancong ke Pasar Payang 2 selain untuk membeli keropok ikan, produk kraf dan batik.

“Sepanjang 20 tahun menjual telur penyu, permintaan cukup tinggi dan sedikit sebanyak saya sedih tidak dapat meneruskan rutin itu tetapi

saya akur dengan keputusan

kerajaan negeri,” katanya ketika ditemui semalam.

Sementara itu, Pegawai Unit

Perlindungan Sumber Jabatan

Perikanan negeri, Hairul Ef-

fendy Adzmi berkata, aktiviti

penjualan telur penyu akan terus dipantau termasuk melalui platform dalam talian.

Katanya, Jabatan Perikanan negeri tidak akan berkompromi

dengan mana-mana peniaga atau individu yang didapati bersalah memiliki atau menjual telur penyu mengikut Enakmen Penyu 1951 (Pindaan 2021).

“Kami juga akan meletakkan anggota berpakaian biasa di lokasi dikenal pasti termasuk di kedai-kedai makan bagi memantau aktiviti penjualan telur penyu,” katanya.